



BULETIN

OKTOBER 2020
EDISI 10

Jabatan Laut Malaysia



Bersama
Hentikan
Wabak
Covid-19

Pembudayaan Norma Baharu
Bagi Mencegah Penularan COVID-19



JabatanLautMalaysia



@lautmy



jabatanlaut

PENAUNG



YBhg Dato' Haji Baharin
Bin Dato' Abdul Hamid

SIDANG PENGARANG

KETUA EDITOR



azHan



EgBert



YaTi



ReEta



siTi



ShaRifah



hafEez

isi kandungan

info menarik

- 03 **Kenali Wang Kertas
Malaysia Siri Baharu**

CAKNA JLM

- 10 Kunjungan Hormat dan
Lawatan
11 Program dan Bengkel
17 Penguatkuasaan dan
Operasi

Covid 19

- 20 Siaran Media Langkah
Berterusan JLM Mencegah
COVID19
21 Norma Baharu

PANDANG MEDIA

- 24 02 Okt 2020
- Insiden Pelanggaran Kapal
di Perairan Tj. Kling Melaka
25 09 Okt 2020
- PKPB Mukim Klang
26 27 Okt 2020
- Insiden Dayang Topaz
27 Berita
-AWANI
-TV3
-BERNAMA
-InfoMediacFC
28 Rakaman Suara Dari Laut
RTM

SuDut KreaTif

- 29 PUISI-Lelaki Biasa Itu
Ayahku

Baca/Read

- 30 -Kesalahan Umum
Tatabahasa
31 -Biasakan Yang
Betul
32 -Glossary of
Maritime Terms
33 -Let's get to know
THE BASIC PARTS OF
A BOAT

Perkongsian

- 34 Sentuhan Rohani
-Mati Itu Pasti
35 Dapur JLM
-Sotong Sumbat Percik



KENALI WANG KERTAS MALAYSIA SIRI BAHARU

Keunikan Malaysia

Wang Kertas Malaysia Siri Baharu

Ciri-ciri unik yang mencorak budaya dan warisan serta keindahan alam semula jadi negara menjadi sumber inspirasi dalam reka bentuk wang kertas Malaysia siri terbaharu ini. Dengan tema 'Keunikan Malaysia', siri keempat wang kertas Malaysia ini memaparkan ekspresi tradisional berilhamkan seni dan kraf tangan, keajaiban alam semula jadi, flora dan fauna, ekonomi dan tradisi.



Ciri-ciri Am

Pada bahagian hadapan semua denominasi wang kertas, telah dikekalkan potret Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pertama, Tuanku Abdul Rahman ibni Tuanku Muhammad, bunga kebangsaan iaitu bunga raya *Rosa-sinensis* (dikenali sebagai Bunga Raya dalam kalangan penduduk tempatan) dan corak songket kain tenunan tradisional.

Bahagian belakang setiap denominasi wang kertas memaparkan ciri-ciri alam semula jadi, tradisi, budaya, flora, fauna dan ekonomi yang khusus bagi Malaysia.



Wang kertas RM100 Keajaiban Alam Semula Jadi

Dua keajaiban alam semula jadi terkemuka negara yang diisytiharkan sebagai 'Tapak Warisan Dunia' oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dipaparkan pada wang kertas RM100.

Keajaiban alam semula jadi yang mengagumkan ini ialah Taman Kinabalu di Sabah, dengan Gunung Kinabalu yang hebat dan agung (iaitu gunung tertinggi di Asia Tenggara) dan pembentukan batu mercu batu kapur yang menakjubkan di lembah Gunung Api, yang ditemui di Taman Negara Mulu di Sarawak.

Kedua-duanya adalah antara keajaiban alam semula jadi di Malaysia yang memberi pengunjungnya satu pengalaman yang unik.



Wang kertas RM50 Pertanian dan Teknologi

Kelapa sawit dan bioteknologi dipaparkan pada wang kertas RM50 sebagai ikon ekonomi Malaysia yang berkembang maju. Kelapa sawit telah menjadi tanaman pertanian negara yang paling utama dari segi ekonomi kerana Malaysia merupakan salah satu pengeluar dan pengeksport terbesar kelapa sawit di dunia.

Bioteknologi terus meningkatkan kedudukan komoditi ini dalam rantai nilai, menyokong transformasi ekonomi negara ke arah aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi dalam sektor pertanian, perkilangan dan perkhidmatan.

Minyak sawit mentah juga digunakan sebagai komoditi dasar bagi memudahkan pembiayaan secara Islam.





Wang kertas RM20 Hidupan Laut

Dua spesies penyu terkenal dan hanya dijumpai di perairan Malaysia iaitu Penyu Karah (*Eretmochelys imbricata*) dan Penyu Belimbing (*Dermochelys coriacea*), yang juga merupakan lambang hidupan laut yang pelbagai dan berwarna-warni di perairan tropika kita, dipaparkan pada wang kertas RM20 baharu.

Penyu Karah mudah dikenali melalui muncungnya yang melengkung dan kulitnya yang bersisik manakala Penyu Belimbing pula mempunyai kulit yang keras dan tujuh jalur pada cangkerangnya. Kewujudan penyu-penyu ini memberi peringatan bahawa kehidupan mereka bergantung padaimbangan aktiviti manusia dan pemuliharaan hidupan laut yang perlu dikendalikan dengan bijaksana.





Wang kertas RM10 Flora

Hutan tropika Malaysia yang tumbuh subur, iaitu salah satu hutan hujan tertua di dunia, mempunyai berjenis-jenis pokok berbunga dan antara yang paling ikonik ialah bunga yang terbesar di dunia iaitu Rafflesia.

Spesies *Rafflesia Azlanii* yang dipaparkan pada wang kertas RM10 baharu ini merupakan spesies asli Semenanjung Malaysia dan mula-mula sekali ditemui di Hutan Simpan Royal Belum di negeri Perak pada tahun 2003.

Bagi memperingati penemuan ini, bunga yang mengagumkan ini dinamakan sempena nama Sultan Perak, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yusuff Izzuddin Shah Ghafarullahu-Lah.





Wang polimer RM5 Hidupan Liar

Burung Enggang Badak (*Buceros rhinoceros*), iaitu salah satu spesies burung enggang terbesar dan paling mengagumkan di dunia, dipaparkan pada wang kertas polimer RM5 baharu.

Burung hutan yang menarik, bersayap lebar dan berekor panjang yang boleh ditemui dalam kelompok kecil di hutan hujan di seluruh negara ini memainkan peranan penting dalam budaya dan upacara tradisional negeri Sarawak yang turut dikenali sebagai 'Bumi Kenyalang'.

Burung enggang juga melambangkan simbol kekuatan dan keberanian bagi masyarakat asli Sarawak.





Wang polimer RM1 Sukan Tradisional

Permainan wau merupakan sukan tradisional yang popular di Malaysia terutamanya di Kelantan dan Terengganu.

Permainan wau juga secara tradisinya merupakan suatu acara untuk meraikan hasil tuaian yang baik yang merapatkan masyarakat tempatan negeri-negeri tersebut.

Wau Bulan adalah antara wau Malaysia yang terkenal dan paling ikonik, dan dipaparkan pada wang polimer RM1 baharu. Wau Bulan buatan tangan, yang diperbuat daripada buluh dan kertas, juga menjadi barang hiasan popular yang menghiasi rumah-rumah di Malaysia.



KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN



03 OKTOBER 2020

LAWATAN LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA (BEM) BERSAMA JABATAN LAUT MALAYSIA Jabatan Laut Malaysia melalui Bahagian Pembangunan Perkapalan dan Pelaut (BPPP) sentiasa berusaha untuk memperkasa pengiktirafan COC Marine Engineer supaya pembangunan kerjaya pelaut dapat dipertingkatkan dan mencipta peluang untuk pemegang COC meningkatkan tahap akademik di peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah di universiti tempatan. Objektif utama lawatan adalah sebagai salah satu kaedah proses penilaian Certificate of Competency (COC)-Class 1,2,3 dan 4.

Hal ini bertujuan membolehkan pemegang COC seperti Juruteknik Kejuruteraan, Jurutera Teknologi dan Jurutera di daftarkan di bawah Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Ucapan terima kasih kepada Tag Marine Sdn Bhd dan Akademi Laut Malaysia (ALAM) yang memberi sokongan dan kerjasama dalam sesi lawatan kerja teknikal di atas kapal MT. Oceania (ULCC) dan latihan di ALAM. BPPP mengucapkan terima kasih kepada pasukan kerja Dr.Redzuan Zoolfakar, Chief Engineer Hazrool Rizal dan Chief Engineer Zahid kerana membuat persediaan rapi dari segi pengumpulan maklumat dan dokumentasi bagi tujuan pengiktirafan daripada BEM. Semoga segala usaha ini dapat diteruskan pada masa hadapan dan sekaligus meningkatkan pembangunan kerjaya pelaut - pelaut Malaysia



17 OKTOBER 2020

Tuan Hj Wan Endok bin Wan Salleh, Timbalan Ketua Pengarah Laut Malaysia (Operasi) mengadakan lawatan kerja di fasiliti kawal selia Wilayah Utara di Pulau Pangkor diiringi oleh Pengarah Laut Wilayah Utara dan pegawai-pegawai kanan Utara.



PROGRAM DAN BENGKEL

Kursus ini merupakan anjuran Kluster Pengajian Ekonomi Dan Kewangan Awam (KEKA), INTAN telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari pelbagai agensi kerajaan seperti MITI, EPU, JPM, Pejabat Tanah & Galian, Majlis Perbandaran, Jabatan Pendidikan Negeri, dll. En. Mohd Fairoz Rozali, SME JLM telah membentangkan ceramah yang bertajuk ***Marine Department Malaysia Perspective on SDG Goal 14 : Conserve and sustainably use the oceans, seas and marine resources*** pada 1 Oktober 2020. Tujuan kursus adalah untuk pendedahan kepada penjawat awam mengenai prestasi 17 SDG di Malaysia, selaras dengan matlamat SDG Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang telah dilancarkan pada tahun 2015..

 **01 OKTOBER 2020**

Kursus Sustainable Development Goals (SDG) 2020, INTAN Kampus Utama Bukit Kiara



 **06 OKTOBER 2020**

Taklimat Mencegah Kebakaran

Pegawai kanan dan pelaksana Wilayah Utara dari semua Pejabat Laut Wilayah dan IPL Utara menghadiri Taklimat Mencegah Kebakaran oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang di IPL Utara, Gelugor.



05-09 OKTOBER 2020

BENGKEL SIASATAN KEMALANGAN KAPAL SIRI 1/2020

Sejumlah 20 orang Pegawai Laut dari pelbagai Pejabat Wilayah Laut telah menghadiri bengkel ini.

Ianya adalah anjuran bersama MATRAIN dan Bahagian Operasi Maritim (BOM) Ibu Pejabat Laut.

Objektif bengkel ini adalah bertujuan untuk mempersiapkan Pegawai Laut Jabatan Laut Malaysia supaya lebih bersedia dalam menghadapi situasi kemalangan kapal sebenar. Peserta telah didedahkan dengan modus operandi dan garis panduan yang betul serta rujukan undang-undang dan punca kuasa yang tepat. Bengkel ini turut disertakan dengan latihan Amali, mock-interrogation dan latihan dalam kumpulan.



Ia telah diadakan di MATRAIN selama 4 hari secara (face to face) dan hari kelima pada 09 Oktober di gantikan dengan assesment secara maya dan atas talian selaras dengan arahan PKPB yang bermula pada 09 Oktober 2020 di Mukim Klang. Tenaga pengajar jemputan adalah En. Mohd Sharul Mat Ripin dari JLMWSelatan, En. Mohammad Saifullah Yusuf dan En. Abdull Rahim Mohammad masing-masing dari BOM Ibu Pejabat Laut serta Pn. Marazira Mansor sebagai fasilitator. MATRAIN sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga untuk pengurusan bengkel dan kursus di sepanjang tempoh PKPP ini. Sebelum bengkel bermula, taklimat keselamatan dan kepatuhan SOP PKPP telah disampaikan oleh En. Abdullah Abdul Hamid (MATRAIN).

Saringan suhu badan juga diambil setiap hari dan memastikan para peserta berada dalam keadaan sihat sepanjang tempoh berkursus. Penjarakan Sosial juga sentiasa diawasi dan face mask telah diberi kepada semua peserta. Tambahan lagi, hand-sanitiser sentiasa disediakan untuk kegunaan harian dalam bilik kuliah.

PROGRAM DAN BENGKEL



05 OKTOBER 2020

KURSUS PERKHIDMATAN PEJABAT LAUT SIRI 7/2020

Pejabat Laut Sib. Peserta : Terdiri daripada 27 orang kakitangan dari Jabatan Laut Wilayah Sarawak.



05-06 OKTOBER 2020

Hotel AnCasa Port Dickson, Negeri Sembilan - Pegawai dan kakitangan Jabatan Laut Malaysia menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan SOP Perikanan Rekreasi Kelautan Bersama Jabatan Laut Malaysia.





15 OKTOBER 2020



PROGRAM PELUPUSAN ABU AL QURAN KE LAUT

Program dianjurkan secara bersama diantara Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Malaysia, Jabatan Laut Malaysia (JLM), Tanjung Beruas Port, Jabatan Kerja Raya (JKR), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Dan Polis Marin Di Tanjung Beruas Port Tanjung Kling, Melaka.

Program disertai 50 orang tetamu termasuk vip. Ianya dirasmikan oleh YB Datuk Hj. Md Rawi Bin Mahmud, Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Malaysia, turut hadir sebagai tetamu vip ialah Pengarah Kementerian Dalam Negeri, En Nazarul Bin Mustafa Dan Pengarah Jabatan Agama Islam Malaysia, Datuk Md. Azhan Bin Samat. Antara aset yang digunakan ialah kapal MV PEDOMAN milik Jabatan Laut Malaysia dan dua (2) buah bot masing -masing daripada Polis Marin dan APMM.



17 -18 OKTOBER 2020

MAJLIS PERASMIAN DAN TAKLIMAT KEMPEN KESELAMATAN BOT DAN FERI PENUMPANG JABATAN LAUT MALAYSIA

Tuan Hj Wan Endok bin Wan Salleh, Timbalan Ketua Pengarah Laut Malaysia (Operasi) menyempurnakan Majlis Perasmian dan Taklimat Kempen Keselamatan Bot dan Feri Penumpang Jabatan Laut Malaysia yang diadakan di perairan Pulau Pangkor, Perak.

Turut hadir meraikan majlis adalah Tuan Pegawai Daerah Manjung - Tn Zulhisham bin Ahmad, Pengarah Sekretariat Pangkor Pulau Bebas Cukai - Pn Laila Mazwin binti Zakaria, Setiausaha Majlis Perbandaran Manjung - En Mohd Helmi bin Ariffin, Penghulu Pulau Pangkor - En Mohd Khamis bin Kassim, Pembantu Khas ADUN Pangkor - En Umai dan Ahli Majlis Perbandaran Manjung - Tuan Hj Asmadi bin Teh. Turut hadir meraikan Majlis adalah pengusaha feri Pengurus Duta Pangkor Ekspress Feri Sdn Bhd - Pn Rositah binti Abdul Razak, Pengurus Pan Silver Sdn Bhd - En Beh Ah Kai, wakil Mesra Feri Sdn Bhd - En Yaakob bin Hashim dan CEO Marina Island - Ms Ding Mei Looi. Rakan strategik yang turut hadir adalah APMM - Lt (Maritim) Khairul Azizi, Polis Marin PDRM - Ins Mugilan dan KDRM - En Muhaimin



PROGRAM DAN BENGKEL



07 OKTOBER 2020

Webinar MATRAIN Talk 2020 (Siri 2) Rintangan Kepada Pematuhan Konvensyen Antarabangsa telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Ir. Abdul Hak Bin Md Amin, Pengerusi MASA (Malaysia Shipowners' Association).

SIRI 2

MATRIN Talk 2020
KELESTARIAN PERTUMBUHAN PERKAPALAN MARITIM DI MALAYSIA
SUSTAINABLE GROWTH OF MARITIME SHIPPING IN MALAYSIA

RABU, 7 OKTOBER 2020
9.50 PAGI

**RINTANGAN KEPADA
PEMATUHAN KONVENSYEN ANTARABANGSA**

YBHG. DATO' IR. ABDUL HAK BIN MD AMIN
PENGURUSI MASA (MALAYSIA SHIPOWNERS' ASSOCIATION)

ATAS TALIAN: SFB LINK: <https://meet.gov.my/jlpl/marine/gpferd05>
SFB WEB APP LINK: <https://meet.gov.my/jlpl/marine/gpferd05?SL=I>

PENDAFTARAN: <https://forms.gle/HGwKZ0ZEYXGVR8A>

PENGURUS INSTITUT LATIHAN PENGENDALIAN LAUT (MATRAIN)



14 OKTOBER 2020

Webinar MATRAIN Talk 2020 (Siri 3) Strategi Meningkatkan Jumlah Pelaut Malaysia Berkualiti telah disampaikan oleh Kapten Abdul Aziz B. Abdullah, Setiausaha Agung IKMAL (Ikhtisas Kelautan Malaysia).

SIRI 3

MATRIN Talk 2020
KELESTARIAN PERTUMBUHAN PERKAPALAN MARITIM DI MALAYSIA
SUSTAINABLE GROWTH OF MARITIME SHIPPING IN MALAYSIA

RABU, 14 OKTOBER 2020
9.50 PAGI

**STRATEGI MENINGKATKAN
JUMLAH PELAUT MALAYSIA BERKUALITI**

KAPT. ABDUL AZIZ B. ABDULLAH
SETIAUSAHA AGUNG IKMAL (IKHTISAS KELAUTAN MALAYSIA)

ATAS TALIAN: SFB LINK: <https://meet.gov.my/jlpl/marine/sjs0fp0l>
SFB WEB APP LINK: <https://meet.gov.my/jlpl/marine/sjs0fp0l?SL=I>

PENDAFTARAN: <https://forms.gle/CMJHRCMVMlFBGKD7>

PENGURUS INSTITUT LATIHAN PENGENDALIAN LAUT (MATRAIN)

PROGRAM DAN BENGKEL



21 OKTOBER 2020

Webinar MATRAIN Talk 2020 (Siri 4)
Kompeten, Profesional dan Kepuasan
Pelaut – Pemangkin Ekonomi Negara
telah disampaikan oleh Kapten
Sukhbir Singh A/L Gopal Singh
Penasihat NUSPM (National Union of
Seafarers Peninsular Malaysia).

SIRI 4

matrain
MARITIME TRANSPORT TRAINING INSTITUTE
INSTITUT LATIHAN PENGANGKUTAN LAUT

MATRAIN Talk 2020
KELESTARIAN PERTUMBUHAN PERKAPALAN MARITIM DI MALAYSIA
SUSTAINABLE GROWTH OF MARITIME SHIPPING IN MALAYSIA

RABU, 21 OKTOBER 2020
9.50 PAGI

KOMPETEN, PROFESIONAL DAN
KEPUASAN PELAUT
- PEMANGKIN EKONOMI NEGARA

KAPT. SUKHBIR SINGH A/L GOPAL SINGH
PENASIHAT NUSPM (NATIONAL UNION OF SEAFARERS PENINSULAR MALAYSIA)

ATAS TALIAN: SFB LINK: <https://meet.igovuc.gov.my/jlpl/marine/jd2h0ch>
SFB WEB APP LINK: <https://meet.igovuc.gov.my/jlpl/marine/jd2h0ch?SL=1>
PENDAFTARAN: <https://forms.gle/nkf5nX0UzVVLZM06>

PENGANGKUTAN INDIKATOR PENGANGKUTAN LAUT (MATRAIN)

4. KUALITI 8. BERTAMBAH 9. BERTAMBAH 14. LIT 16. DATA 17. PENGANGKUTAN



28 OKTOBER 2020

Webinar MATRAIN Talk 2020 (Siri
5) Strategi Pembangunan Pelaut
Berkualiti Melalui ILM telah
disampaikan oleh Kapten Kenneth
Khoo Presiden MyMET (Malaysian
Maritime Education and Training
Association)

SIRI 5

matrain
MARITIME TRANSPORT TRAINING INSTITUTE
INSTITUT LATIHAN PENGANGKUTAN LAUT

MATRAIN Talk 2020
KELESTARIAN PERTUMBUHAN PERKAPALAN MARITIM DI MALAYSIA
SUSTAINABLE GROWTH OF MARITIME SHIPPING IN MALAYSIA

RABU, 28 OKTOBER 2020
9.50 PAGI

STRATEGI PEMBANGUNAN PELAUT
BERKUALITI MELALUI ILM

KAPT. KENNETH KHOO
PRESIDEN MYMET (MALAYSIAN MARITIME EDUCATION AND TRAINING ASSOCIATION)

ATAS TALIAN: SFB LINK: <https://meet.igovuc.gov.my/jlpl/marine/SS957STN>
SFB WEB APP LINK: <https://meet.igovuc.gov.my/jlpl/marine/SS957STN?SL=1>
PENDAFTARAN: <https://forms.gle/7MCJC2VEDWSNFLOY8>

PENGANGKUTAN INDIKATOR PENGANGKUTAN LAUT (MATRAIN)

4. KUALITI 8. BERTAMBAH 9. BERTAMBAH 14. LIT 16. DATA 17. PENGANGKUTAN

PENGUATKUASAAN DAN OPERASI

12 OKTOBER 2020

PENCEMARAN MINYAK DI SEPANJANG PANTAI CERMIN, PORT DICKSON DAN PANTAI TANJUNG TUAN, MELAKA

JLM Wilayah Tengah telah menerima laporan dari orang awam berkenaan terdapat pencemaran minyak di sepanjang Pantai Cermin, Port Dickson dan Pantai Tanjung Tuan, Melaka. JLM Wilayah Tengah telah menggerakkan kapal MV Aldebaran beserta 7 anak kapal serta 7 orang kakitangan terlatih dalam melawan tumpahan minyak di laut sebagai tindakan awal. Sehingga (15 Oktober 2020), Kerja-kerja pemantauan dan pembersihan masih lagi dijalankan. Kakitangan Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah juga bersama-sama agensi kerajaan lain dan NGO turut serta dalam operasi pembersihan di Pantai yang terkesan teruk akibat tumpahan ini.

Operasi Melawan Tumpahan Minyak ini diketuai oleh Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah bermula 12 Oktober 2020. Anggaran tumpahan sejumlah lebih 5 ton ini telah pun sampai di Pantai Cermin Port Dickson sepanjang 1.5 kilometer. Kerja-kerja pembersihan pantai diketuai oleh Pegawai Daerah Port Dickson & Pegawai Daerah Alor Gajah turut dibantu oleh pelbagai agensi kerajaan dan NGO di kedua-dua Negeri.



PENGUATKUASAAN DAN OPERASI

19 OKTOBER 2020

OPERASI PEMBERSIHAN PANTAI DI SEPANJANG PANTAI CERMIN, PORT DICKSON DAN PANTAI TANJUNG TUAN, MELAKA

Pencemaran Minyak di Kawasan Tg Tuan, Alor Gajah Melaka & Pantai Cermin Port Dickson Negeri Sembilan Susulan dari penemuan pencemaran minyak dari kapal yang tidak bertanggungjawab yang ditemui pada 12 Oktober 2020, satu Jawatankuasa Operasi Pembersihan Pantai telah diwujudkan di dua peringkat yang melibatkan Daerah Port Dickson dan Daerah Alor Gajah. Operasi pembersihan kawasan pantai yang terlibat telah digerakkan melalui Jawatankuasa Daerah masing-masing dengan bantuan dan kerjasama dari beberapa agensi kerajaan seperti Pejabat Tanah & Galian Alor Gajah, Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka, Angkatan Pertahanan Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pasukan Rela termasuk Jabatan Laut Malaysia (Pejabat Laut Port Dickson & Melaka disamping Ibu Pejabat Laut, JLW Tengah) serta NGO (Malaysia Nature Society) dan pihak swasta (Petronas, PIMMAG dan PV Environment) di daerah berkenaan.

Dalam kerja-kerja pembersihan (Tg Tuan Alor Gajah Melaka) kawasan pantai fokus kepada hutan paya bakau serta kawasan berbatu ESI 9, En. Mohd Fairoz Rozali, Subject Matter Expert (SME) on Marine Environment telah hadir sebagai pakar teknikal dalam mengetuai kerja-kerja seliaan dan penyelarasan pembersihan pantai dan seterusnya membantu Incident Commander (IC) terhadap Pos Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK). Beliau turut merancang dan merangka strategi, kaedah pemasangan dan installasi peralatan dan aktiviti harian yang bersesuaian dalam kerja-kerja pembersihan, pemantauan lapangan, taklimat dalam aktiviti-aktiviti pembersihan dan memberikan pandangan dan nasihat teknikal kepada Incident Commander dalam membuat sesuatu keputusan.

Beliau turut menyampaikan taklimat aktiviti pembersihan sempena lawatan kerja oleh Yg Berbahagia Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Puan Norlin Jaafar serta Tuan Pegawai Daerah Alor Gajah, Tuan Rahizi Ranom. Beliau yang turut dibantu oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Laut Wilayah Tengah, antaranya En Mohd Reduan Mohd Ali, En. Mohd Zamani Mohd Ramli, En. Mohd Rasul, En. Abdul Aziz Abu Bakar, Muhammad Shahrizam Zainuddin dan En. Mohd Hafizul Mohd Ishak disamping En. Mohd Abdul Hakim Che Md Noor dan En. Mohd Nazri Silim. Hasil kerjasama yang baik dari semua pihak, adalah dijangkakan kerja-kerja pembersihan akan dimuktamadkan dan berakhir (stand down) pada 19 Oktober 2020.



PENGUATKUASAAN DAN OPERASI

29 OKTOBER 2020

**PROGRAM OPERASI
PENGUATKUASAAN
ANJURAN JABATAN LAUT
MALAYSIA WILAYAH UTARA**



Program Operasi Penguatkuasaan anjuran Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara dengan kerjasama Polis Marin Negeri Kedah dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Kedah di perairan Pulau Songsong, Pulau Bidan, Pulau Telur dan Tanjung Dawai telah dijalankan untuk memberi kesedaran mengenai keselamatan kepada bot-bot yang membawa pelancong di sekitar pulau terbabit.

Objektif Program adalah untuk memastikan tahap bot membawa pelancong berada dalam keadaan selamat dengan mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan mewujudkan kesedaran pelancong dan nakhoda bot terhadap aspek - aspek keselamatan semasa menaiki / membawa bot seperti alat keselamatan di bot, boya keselamatan (lifebouy), jaket keselamatan (lifejacket), perakuan pelaut, kapasiti penumpang, lesen bot yang sah dan perlindungan insurans apabila pelancong menaiki bot.

Operasi ini menggunakan aset kerajaan iaitu kapal Jabatan Laut MV SUHAIL, Bot Laju Polis Marine PSC 18 dan Bot APMM Kilat 29 dengan keseluruhan kekuatan anggota yang terlibat seramai 34 orang. Semasa operasi sebanyak 13 buah bot telah diperiksa. 2 bot adalah bot persendirian, selebihnya adalah bot berlesen yang masih sah laku dan ada yang telah tamat tempoh.



PANDEMIC COVID 19

LANGKAH-LANGKAH BERTERUSAN JABATAN LAUT MALAYSIA DI TERMINAL FERI PENUMPANG DAN BOT PENUMPANG SERTA PENGUATKUASAAN SOP BAGI MENGAWAL PENULARAN WABAK COVID 19.

Jabatan Laut Malaysia sentiasa mengikuti dan melaksanakan arahan-arahan semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Nasihat-nasihat yang diberikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut diamalkan sehingga kini.

Berikutan dengan fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini, rakyat Malaysia hanya pergi bercuti di dalam negara sahaja. Ini menyebabkan lambakan kehadiran pelancong-pelancong di sesetengah tempat pelancongan. Antara tempat yang menjadi tarikan utama pelancong adalah pulau-pulau seperti Pulau Langkawi, Pangkor, Tioman, Redang dan Perhentian. Kehadiran luar jangka ini menyebabkan keadaan yang sesak di terminal dan jeti penumpang terutamanya bagi jeti yang bersaiz kecil seperti di Pulau Tioman, Kuala Terengganu, Merang dan Jeti Kuala Besut. Ini merupakan cabaran terbesar yang perlu dihadapi JLM dalam memastikan setiap SOP dan arahan yang dikeluarkan dapat dilaksanakan dan dipatuhi dengan teratur dan sempurna tanpa mengabaikan keselesaan dan mood rakyat Malaysia untuk bercuti.

Dalam perkembangan terbaharu dimana peningkatan mendadak kes jangkitan Covid 19. JLM telah bersedia untuk memperketatkan langkah-langkah kawalan dan melaksanakan apa-apa arahan yang dikeluarkan MKN dan KKM. Pada masa ini, JLM telah mengambil inisiatif-inisiatif tertentu untuk memenuhi kepatuhan kepada norma-norma baharu dan keselesaan kepada pelancong yang menggunakan kemudahan terminal dan jeti penumpang terutamanya bagi terminal/jeti bersaiz kecil seperti di Kuala Besut, Kuala Terengganu dan Pulau Tioman. Statistik menunjukkan, pertambahan pelancong yang menggunakan jeti-jeti ini melonjak sehingga 130% dari kapasiti sebenarnya.

Inisiatif-inisiatif tersebut adalah menyediakan khemah - khemah sebagai tempat menunggu tambahan di kawasan Terminal Feri Penumpang di Kuala Terengganu dan Jeti Penumpang Kuala Kuala Besut bagi mengawal kesesakan di kedua-dua terminal feri ini. Khidmat pasukan RELA juga digunakan bagi membantu kakitangan JLM mengawal pergerakan pelancong supaya teratur selain memastikan pematuhan kepada arahan dan SOP yang ditetapkan dipatuhi dengan sempurna.

Sementara di Pulau Redang pula, kawasan menunggu khas telah ditetapkan dan penumpang akan dibawa ke jeti dengan menggunakan kemudahan buggy sekiranya feri mereka akan naiki sudah merapat di jeti.

Pelaksanaan norma baharu oleh JLM hanya terhad di Terminal dan Jeti Penumpang bawah seliaan JLM sahaja. Adapun di Terminal dan jeti Penumpang lain seperti di Jeti Penumpang Merang penguatkuasaan dan kawalan adalah di kendalikan oleh pihak berkuasa lain.

Taklimat berterusan kepada Operator Feri dan perkhidmatan kaunter di terminal tentang kesedaran Norma baharu dengan memantau pengendalian penumpang di Jeti supaya mematuhi Norma Baharu serta memaparkan flyer dan poster berkenaan kepentingan menjaga SOP didalam feri, premis dan kaunter.

Pemantauan kepada tugas pengawal keselamatan dan kakitangan turut dilakukan untuk memastikan pelaksanaan norma baharu memasuki pejabat, terminal dan jeti penumpang dipatuhi. Turut dilaksanakan adalah kerja - kerja pembersihan / sanitasi dilakukan 2 kali sehari dengan mengikut SOP yang ditetapkan oleh KKM di semua terminal feri penumpang.



LANGKAH-LANGKAH BERTERUSAN JABATAN LAUT MALAYSIA DI TERMINAL FERI PENUMPANG DAN BOT PENUMPANG SERTA PENGUATKUASAAN SOP BAGI MENGAWAL PENULARAN WABAK COVID 19.

Jabatan Laut Malaysia sentiasa mengikuti dan melaksanakan arahan-arahan semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Nasihat-nasihat yang diberikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut diamalkan sehingga kini.

Berikutan dengan fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini, rakyat Malaysia hanya pergi bercuti di dalam negara sahaja. Ini menyebabkan lambakan kehadiran pelancong-pelancong di sesetengah tempat pelancongan. Antara tempat yang menjadi tarikan utama pelancong adalah pulau-pulau seperti Pulau Langkawi, Pangkor, Tioman, Redang dan Perhentian. Kehadiran luar jangka ini menyebabkan keadaan yang sesak di terminal dan jeti penumpang terutamanya bagi jeti yang bersaiz kecil seperti di Pulau Tioman, Kuala Terengganu, Merang dan Jeti Kuala Besut. Ini merupakan cabaran terbesar yang perlu dihadapi JLM dalam memastikan setiap SOP dan arahan yang dikeluarkan dapat dilaksanakan dan dipatuhi dengan teratur dan sempurna tanpa mengabaikan keselesaan dan mood rakyat Malaysia untuk bercuti.

Dalam perkembangan terbaharu dimana peningkatan mendadak kes jangkitan Covid 19. JLM telah bersedia untuk memperketatkan langkah-langkah kawalan dan melaksanakan apa-apa arahan yang dikeluarkan MKN dan KKM. Pada masa ini, JLM telah mengambil inisiatif-inisiatif tertentu untuk memenuhi kepatuhan kepada norma-norma baharu dan keselesaan kepada pelancong yang menggunakan kemudahan terminal dan jeti penumpang terutamanya bagi terminal/jeti bersaiz kecil seperti di Kuala Besut, Kuala Terengganu dan Pulau Tioman. Statistik menunjukkan, pertambahan pelancong yang menggunakan jeti-jeti ini melonjak sehingga 130% dari kapasiti sebenarnya.

Inisiatif-inisiatif tersebut adalah menyediakan khemah - khemah sebagai tempat menunggu tambahan di kawasan Terminal Feri Penumpang di Kuala Terengganu dan Jeti Penumpang Kuala Kuala Besut bagi mengawal kesesakan di kedua-dua terminal feri ini. Khidmat pasukan RELA juga digunakan bagi membantu kakitangan JLM mengawal pergerakan pelancong supaya teratur selain memastikan pematuhan kepada arahan dan SOP yang ditetapkan dipatuhi dengan sempurna.

Sementara di Pulau Redang pula, kawasan menunggu khas telah ditetapkan dan penumpang akan dibawa ke jeti dengan menggunakan kemudahan buggy sekiranya feri mereka akan naiki sudah merapat di jeti.

Pelaksanaan norma baharu oleh JLM hanya terhad di Terminal dan Jeti Penumpang bawah seliaan JLM sahaja. Adapun di Terminal dan jeti Penumpang lain seperti di Jeti Penumpang Merang penguatkuasaan dan kawalan adalah di kendalikan oleh pihak berkuasa lain.

Taklimat berterusan kepada Operator Feri dan perkhidmatan kaunter di terminal tentang kesedaran Norma baharu dengan memantau pengendalian penumpang di Jeti supaya mematuhi Norma Baharu serta memaparkan flyer dan poster berkenaan kepentingan menjaga SOP didalam feri, premis dan kaunter.


Pemantauan kepada tugas pengawal keselamatan dan kakitangan turut dilakukan untuk memastikan pelaksanaan norma baharu memasuki pejabat, terminal dan jeti penumpang dipatuhi. Turut dilaksanakan adalah kerja - kerja pembersihan / sanitasi dilakukan 2 kali sehari dengan mengikut SOP yang ditetapkan oleh KKM di semua terminal feri penumpang.

Selain itu, Terminal Penumpang Pulau Tioman dan Jeti Kuala Besut akan diubahsuai bagi meningkatkan keselesaan para penumpang dengan menambah ruang menunggu. Kerja-kerja ubahsuai ini akan bermula dalam masa terdekat yang akan dijalankan oleh pihak Jabatan Kerja Raya.

Jabatan Laut Malaysia sentiasa mengikuti dan melaksanakan arahan-arahan semasa yang dikeluarkan Kerajaan dan sentiasa bersedia dan akan terus menyumbang untuk bersama-sama kerajaan memerangi wabak COVID-19. Pegawai dan kakitangan Jabatan Laut Malaysia juga telah terlibat dalam mengamalkan norma baharu dalam pekerjaan dan hubungan dengan orang awam. -TAMAT-

PANDEMIC COVID 19

Pembudayaan Norma Baharu Bagi Mencegah Penularan COVID-19



PEMATUHAN NORMA BAHARU DIPERKETATKAN BAGI MENCEGAH PENULARAN COVID19 DI JETI KUALA BESUT, TERENGGANU



PANDEMIC COVID 19

**Pembudayaan Norma Baharu
Bagi Mencegah Penularan COVID-19**



**PEMATUHAN NORMA BAHARU
DIPERKETATKAN BAGI MENCEGAH
PENULARAN COVID19 DI JETI PENUMPANG
KUALA TERENGGANU - PULAU REDANG**



PANDEMIC COVID 19

21 OKTOBER 2020

Kerja - kerja sanitasi awam /pembasmian kuman di Terminal Feri Penumpang Kuala Kedah, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara telah dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah. Aktiviti ini meliputi keseluruhan bangunan terminal, jeti dan pejabat. Proses sanitasi awam ini dijalankan sebagai satu usaha untuk mencegah penularan pandemik COVID - 19 di Negeri Kedah

Pembudayaan Norma Baharu
Bagi Mencegah Penularan COVID-19



PANDANG MEDIA

02 OKTOBER 2020-

**KENYATAAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA:
(KEJADIAN PELANGGARAN KAPAL DI ANTARA MT STROVOCOS DAN MV OCEANLINE
5001 DI PERAIRAN TANJUNG KELING, MELAKA PADA 02 OKTOBER 2020)**



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN LAUT MALAYSIA**

**KEJADIAN PELANGGARAN KAPAL DI ANTARA MT STROVOCOS DAN
MV OCEANLINE 5001 DI PERAIRAN TANJUNG KELING, MELAKA
PADA 02 OKTOBER 2020**

Kenyataan media ini adalah bertujuan untuk pemakluman berkaitan kejadian pelanggaran kapal di antara MT Strovocos dan MV Ocean Line 5001 di Perairan Tanjung Keling, Melaka pada 02 Oktober 2020.

Pada jam 1138@02/10/2020, satu kemalangan laut telah berlaku di kedudukan Lat 02° 11.16'U Long 102° 07.45'N lebih kurang 2.4 batu nautika arah daya Terminal Tg Bruas, Melaka melibatkan sebuah kapal pengangkut pasir MV Oceanline 5001 (IMO8656972) dengan kapal tangki MT Strovocos (IMO9178056).

MV Oceanline 5001 semasa dalam pelayaran dari kawasan tambakan Kota Laksamana, Melaka menuju ke lokasi pengambilan pasir luar Had Pelabuhan Melaka telah melanggar bahagian tengah (mid ship) sebahagian kiri MT Strovocos yang pada ketika itu sedang berlabuh sauh di dalam Had Pelabuhan Melaka.

Akibat dari pelanggaran ini, kedua-dua kapal ini telah mengalami kerosakan. Walaubagaimanapun tiada kerosakan yang boleh menyebabkan kedua-dua kapal ini tenggelam ataupun memberi ancaman sebarang pencemaran alam sekitar seperti tumpahan minyak dan sebagainya dan tidak juga melibatkan sebarang kematian mahupun kecederaan pada krew kapal terbabit ataupun pihak ketiga.

Jabatan Laut Malaysia melalui Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah telah menubuhkan satu pasukan penyiasatan bagi memperincikan kejadian ini. Jabatan Laut Malaysia akan sentiasa memantau situasi ini bagi mengekalkan keselamatan pelayaran kapal-kapal dan penjagaan alam sekitar marin dari tercemar.

Jabatan Laut Malaysia ingin menasihati pihak-pihak yang berkepentingan dan orang awam yang berminat untuk mendapatkan maklumat yang benar serta tepat supaya menghubungi Unit Korporat, Jabatan Laut Malaysia yang bertanggungjawab menyalurkan sebarang maklumat rasmi Jabatan. Sehubungan dengan itu, pihak-pihak yang berkepentingan dan orang awam hendaklah mengelak dan tidak harus percaya kepada maklumat dari sumber-sumber lain.

**UNIT KORPORAT,
JABATAN LAUT MALAYSIA.
02 OKTOBER 2020**

Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: 603-3346 7620 Faks: 603-3168 5289 Laman Web: www.marine.gov.my

NS
CHANNEL

PANDANG MEDIA

09 OKTOBER 2020-

**KENYATAAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA:
PEMAKLUMAN BERHUBUNG OPERASI DI IBU PEJABAT LAUT JABATAN LAUT MALAYSIA,
INSTITUT LATIHAN PENGANGKUTAN LAUT (MATRAIN) DAN JABATAN LAUT MALAYSIA
WILAYAH TENGAH SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
BERSYARAT (PKPB) DI MUKIM KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN MULAI 9 OKTOBER
2020.**



KENYATAAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA

**PEMAKLUMAN BERHUBUNG OPERASI DI IBU PEJABAT LAUT
JABATAN LAUT MALAYSIA, INSTITUT LATIHAN PENGANGKUTAN
LAUT (MATRAIN) DAN JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH
TENGAH SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
BERSYARAT (PKPB) DI MUKIM KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN
MULAI 9 OKTOBER 2020.**

Merujuk kepada pengumuman YB Menteri Kanan Pertahanan Malaysia pada 7 Oktober 2020 mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ke atas beberapa kawasan di Malaysia termasuk mukim Klang berkuatkuasa 9 Oktober 2020.

Sukacita dimaklumkan bahawa fasiliti-fasiliti Jabatan Laut Malaysia seperti berikut:-

1. Ibu Pejabat Laut Jabatan Laut Malaysia, Pelabuhan Kelang;
2. Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah, Pelabuhan Kelang, dan
3. Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN), Pulau Indah Klang beroperasi seperti biasa memandangkan terletak di luar Kawasan PKPB mukim Klang.

Sebagai langkah pencegahan penularan Covid 19, operasi di fasiliti-fasiliti tersebut adalah mengikut SOP Norma Baharu yang terpakai dan diperketatkan. Pelanggan juga adalah digalakkan untuk berurusan secara *voice/video conference*, emel atau panggilan telefon serta melayari sistem Jabatan Laut Malaysia secara atas talian bagi perkhidmatan-perkhidmatan seperti perkapalan, pelaut dan pelabuhan melalui laman sesawang Jabatan Laut Malaysia di pautan www.marine.gov.my.

Untuk sebarang pertanyaan boleh menghubungi Ibu Pejabat Laut Jabatan Laut Malaysia di talian (03- 3346 7620), Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah (03-3169 5100) dan Institut Latihan pengangkutan Laut (MATRAIN) (03-3326 5555) atau di emelkan kepada korporat@marine.gov.my.

UNIT KORPORAT,
JABATAN LAUT MALAYSIA.
09 OKTOBER 2020

PANDANG MEDIA

27 OKTOBER 2020-

KENYATAAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA: KENYATAAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA: INSIDEN KEMALANGAN KAPAL "DAYANG TOPAZ" DI PERAIRAN MIRI

SIARAN SEGERA



KENYATAAN MEDIA JABATAN LAUT MALAYSIA

INSIDEN KEMALANGAN KAPAL "DAYANG TOPAZ" DI PERAIRAN MIRI

Merujuk kepada satu kejadian kemalangan marin yang berlaku di kedudukan Latitud 04° 40.00'N dan Longitud 113° 51.00' E lebih kurang 7.7 batu nautika dari Kuala Baram, Miri pada 27 Oktober 2020 pada jam lebih kurang 6.45 pagi waktu tempatan. Kejadian ini melibatkan "Accommodation Work Boat" Dayang Topaz milik DESB Marine Services Sdn Bhd.

Pada jam 6.45 pagi, Maritime Rescue Coordination Centre (MRCC Putrajaya) telah menerima isyarat kecemasan (MAYDAY) yang dihantar dari Dayang Topaz di posisi tersebut diatas. Kapal Sapura Constructor juga telah menerima isyarat kecemasan daripada Dayang Topaz dan mereka menggerakkan bantuan awal mengesan lokasi sebenar Dayang Topaz di mana laporan diterima menyatakan 62 kru masih berada di atas kapal manakala 125 kru lagi telah terjun ke laut.

Gerakan mencari dan menyelamat (SAR) telah dilancarkan yang diketuai oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) serta dibantu oleh kapal-kapal dibawah seliaan SKO Petronas Carigali Sarawak Operations.

Kesemua mangsa-mangsa telah diselamatkan dan dibawa ke atas kapal-kapal bantuan dan sehingga kenyataan media ini dikeluarkan, seramai 185 orang kru disahkan selamat dan 2 orang kru telah disahkan meninggal dunia yang melibatkan seorang warganegara Malaysia dan seorang lagi belum dapat disahkan lagi.

Berdasarkan kepada maklumat awal yang diperolehi, kejadian ini berlaku dalam keadaan cuaca buruk dimana kabel sauh kapal Dayang Topaz telah terputus menyebabkan kapal tersebut tidak dapat dikawal dan melanggar platform Minyak Baram B.

Kesan kerosakkan akibat perlanggaran ini belum dapat dipastikan lagi. Walaubagaimanapun tiada sebarang kejadian pencemaran marin dikesan dan kapal Dayang Topaz telah belayar menuju ke Limbungan pembaikan kapal yang terdekat untuk pemeriksaan kerosakan sebenar.

Jabatan Laut Malaysia, akan mengeluarkan kenyataan dari masa ke semasa sekiranya terdapat perkembangan baharu dalam kejadian ini.

UNIT KORPORAT,
JABATAN LAUT MALAYSIA.
27 OKTOBER 2020

Ibu Pejabat Laut Peti Surat 12, Jalan Limbungan 42007 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: 603-3346 7620 Faks : 603-3168 5289 Laman Web : www.marine.gov.my

NEWS
CHANNEL

PANDANG MEDIA

09 OKTOBER 2020

Jabatan Laut di Pelabuhan Klang beroperasi seperti biasa

Oleh Ruwaida Md Zain - Oktober 9, 2020 @ 6:58pm
bhnews@bh.com.my



PELABUHAN KLANG: Kemudahan Jabatan Laut di sini beroperasi seperti biasa walaupun Mukim Klang berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Jabatan Laut dalam satu kenyataan berkata, ia berikutan tiga kemudahan jabatan itu terletak di luar Mukim Klang.

27 OKTOBER 2020



Dayang Topaz: Dua anak kapal disahkan meninggal dunia, 185 berjaya diselamatkan

Astro Awani
October 27, 2020 15:00 MYT



Pemangku Pengarah Bahagian Cailamar & Bantuan Bencana APMK, Komander Suzanna Razali Chan mendapat 157 kru secara keseluruhan. - Gambar Astro AWANI

KUALA LUMPUR: Dua anak kapal disahkan meninggal dunia manakala 185 yang lain berjaya diselamatkan dalam insiden kecemasan di kapal platform Dayang Topaz di perairan Miri pada pagi Selasa.

Unit Kommand Jabatan Laut Malaysia dalam satu kenyataan berkata, Maritime Rescue Coordination Centre (MRCC)

27 OKTOBER 2020

Info Semasa

Kronologi insiden Dayang Topaz

October 27, 2020 admin



MIRI: AWAL pagi Selasa, negara dikejutkan dengan insiden kemalangan melibatkan kapal platform Dayang Topaz di posisi 7.7 batu nautika dari Kuala Baram, Miri. Insiden itu melibatkan seramai 187 kru kapal termasuk 185 kru warganegara Malaysia dan dua warganegara Indonesia. Berikut kronologi insiden melibatkan kapal platform Dayang Topaz yang perlu anda tahu:



HOME / TRAGEDI

REMPUH PELANTAR MINYAK | 2 Maut, 185 Anak Kapal Dayang Topaz Selamat

sebutan yang tepat



Kongsi di Facebook

Kongsi di Twitter

Kongsi di Whatsapp



REMPUH PELANTAR MINYAK | 2 Maut, 185 Anak Kapal Dayang Topaz Selamat Dua anak kapal maut dan 185 orang lagi terselamat dalam kejadian kapal merempuh pelantar minyak. Identiti mangsa yang maut belum dikenal pasti. #V20Series #V20 #V20Pro #BeTheFocus #SoloSelfie

NEWS
CHANNEL

PANDANG MEDIA

Sesi Rakaman Dokumentari RTM Suara Dari Laut” di Jabatan Laut Wilayah Utara



Sesi Rakaman bagi Dokumentari RTM yang bertajuk “Suara Dari Laut” telah dijalankan di Jabatan Laut Wilayah Utara hasil kerjasama penyelarasan Unit Korporat Jabatan Laut bersama syarikat produksi Intermedia Production Sdn Bhd untuk siaran RTM dalam memacu kefahaman dan pandangan masyarakat berkaitan marin dan maritim bagi tujuan Program "Suara Dari Laut".

Rakaman ini telah dilaksanakan pada 26 dan 27 Oktober 2020 di Pejabat Laut Wilayah Utara dan juga Kapal Akamar dan Layar 2.

Jutaan ribuan terima kasih diucapkan kepada Tuan Hj Mohd Hafiz bin Abdul Majid, Pengarah Jabatan Laut Wilayah Utara, En Sanizam bin Bachok selaku focal point program ini serta pegawai dan kakitangan Jabatan Laut Wilayah Utara atas kerjasama dan bantuan yang diberikan agar rakaman ini dapat berjalan dengan lancar dan jayanya.



SUDUT KREATIF

Di satu sudut keindahan dunia,
Gadis itu mengenali satu sosok tubuh,
Yang dia kira umpama satu dalam seribu.

Unik peribadinya tersimpan rapi
Dalam kamus hati si gadis,
Dia ialah seorang ayah,
Si lelaki biasa, Namun luar biasa,
Pada kaca mata gadis itu.

Dia seperti
Matahari terang di siang hari,
Bulan indah di malam hari,
Merpati putih terbang tinggi.

Gadis itu lantas membisikkan sesuatu,
Tuhan,
Kebahagiaan itu impian setiap insan
Moga kebahagiaan itu milik dia
Hari ini, esok dan selamanya.

LELAKI BIASA ITU AYAHKU

Nukilan : Amal

Terima kasih kepada
diatas sumbangan
puisi



Dialukan-alukan kepada semua pegawai dan kakitangan JLM yang berminat untuk berkongsi cerpen pendek, nukilan ringkas dan berkarya untuk dimasukkan ke dalam Buletin Jabatan Laut Malaysia.

KESALAHAN UMUM TATABAHASA

1. Ejaan.

deraf: salah vs. draf: betul
war-war: salah vs. uar-uar: betul
belangsukawa: salah vs. belasungkawa: betul
efisyen: salah vs. efisien: betul
auditan: salah vs. audit atau pengauditan: betul
aturcara: salah vs. atur cara: betul
urusetia: salah vs. urus setia: betul

2. Penggunaan **di-**.

Kata **di-** boleh mendukung dua fungsi. Yang pertama sebagai imbuhan awalan. Dalam hal tersebut, penggunaan **di-** merupakan penanda pasif diri ketiga.

Fungsi kedua membolehkan **di-** sebagai kata sendi nama yang menyertai kata nama yang menunjukkan tempat dan arah. Ejaan antara kata **di-** dengan kata arah perlu dijarakkan.

dikuala lumpur: salah vs. di kuala lumpur: betul
diatas: salah vs. di atas: betul
di simpan: salah vs. disimpan: betul
di syorkan: salah vs. disyorkan: betul
di kenal pasti: salah vs. dikenal pasti: betul



*Kata-kata
Indah Bahasa
Melayu Yang
Jarang
Didengar*

BACA/READ

Biasakan yang betul ✓

Memastikan atau mempastikan?

Perkataan yang betul ialah **memastikan**.

Dalam proses pembentukan kata bahasa Melayu, kata dasar yang bermula dengan huruf **p**, **t**, **k** dan **s** akan mengalami penguguran huruf pertama apabila menerima imbuhan **peN-** dan **meN-**.


Dalam hal ini, huruf pertama pada kata dasar akan berubah menjadi **m** bagi **p**, **n** bagi **t**, **ng** bagi **k**, dan **ny** bagi **s**, seperti contoh yang berikut:

pesan	= memesan, pemesan
tetap	= menetap, penetap
karang	= mengarang, pengarang
salin	= menyalin, penyalin

Contoh dalam ayat:

Kita tidak dapat **memastikan** pasukan mana yang akan menang.

TATABAHASA DEWAN EDISI KETIGA
DBP, 2015



KEMPEN 10 MINIT MEMBACA




JABATAN LAUT
MALAYSIA



#3 - Kebiasaan membaca membuat menjadi lebih produktif yang tiada masa untuk melayan perkara yang tidak bermanfaat.

BULETIN JLM/ OKTOBER 2020 31

Glossary of Maritime Terms

**anchorage:**

Port charge relating to a vessel moored at approved anchorage site in a harbor.

**apron:**

The area immediately in front of or behind a wharf shed on which cargo is lifted. On the "front apron," cargo is unloaded from or loaded onto a ship. Behind the shed, cargo moves over the "rear apron" into and out of railroad cars.

**Backhaul:**

To haul a shipment back over part of a route which it has already traveled; a marine transportation carrier's return movement of cargo, usually opposite from the direction of its primary cargo distribution.


**barge:**

A large, flat-bottomed boat used to carry cargo from a port to shallow-draft waterways. Barges have no locomotion and are pushed by towboats. A single, standard barge can hold 1,500 tons of cargo or as much as either 15 railroad cars or 60 trucks can carry. A barge is 200 feet long, 35 feet wide and has a draft of 9 feet. Barges carry dry bulk (grain, coal, lumber, gravel, etc.) and liquid bulk (petroleum, vegetable oils, molasses, etc.).

**berth:**

(verb) To bring a ship to a berth. (noun) The wharf space at which a ship docks. A wharf may have two or three berths, depending on the length of incoming ships.

Let's get to know THE BASIC PARTS OF A BOAT



SENTUHAN ROHANI

MATI SUATU KEPASTIAN

• Bilamana berbicara soal kematian, ianya satu perkara yang menggerunkan yang tidak akan terbayang oleh manusia. Kematian juga adalah suatu nikmat dari Allah.

• Didalam Surah Al-Imran : 185 yang bermaksud:

• "Tiap tiap yang bernyawa akan merasai mati. Dan sesungguhnya pada hari Kiamat sajalah disempurnakan pahalamu."

• Sudah menjadi satu kepastian bahawasanya kita semua tidak terkecuali siapa pun akan merasai Mati.

• Dan Allah menyatakan lagi pada ayat yang sama Surah Al-Imran 185 yang bermaksud :
"kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan."

• Justeru itu, terlalu berkira dengan orang kedekut tidak keluarkan zakat dan sebagainya hanya merencatkan diri sendiri. Bahkan merugikan diri di akhirat kelak. Bukankah berbagi bagi rezeki Lillahi Taala itu ibarat satu bijih benih yang ditanam yang mengeluarkan buah yang lain dan menghasilkan lagi benih benih yang lain dan makin bercambah. Semacam itulah pahala bilamana kita bersedekah kerana Allah.

• Di dalam Al-Quran ada menyatakan yang bermaksud :

"Sesungguhnya kematian yang kamu lari daripadanya, maka sesungguhnya kematian itu pasti akan menemui kamu jua."

• Kita tidak ada daya dan kuasa untuk menghalang kematian yang pasti akan terjadi.



DAPUR JLM SOTONG SUMBAT PERCIK

Langkah
Buang kulit, tulang dan perut sotong. Cuci bersih.
Keringkan di atas tisu dapur.
Satukan telur, bawang, cili benggala, carrot dan daun bayam.
Perasakan dengan garam dan lada sulah. Kocok rata.
Panaskan mentega dan tuang bancuhan telur.
Masak dengan api perlahan dan sentiasa kacau.
Masak hingga telur masak tetapi tidak terlalu kering.

Masukkan telur ke dalam piping bag.
Picit ke dalam perut sotong 3/4 penuh.
Masukkan kepala sotong dan cucuk dengan lidi.

Penyediaan Kuah Percik :
Kisar bahan2 kuah percik kecuali bancuhan tepung gandum.
Tapis ke dalam kuali dan masak hingga mendidih.
Masukkan bancuhan tepung gandum dan kacau rata.
Masukkan sotong dan tutup kuali.
Masak hingga sotong mengembang.
Keluarkan sotong dan kelarkan.
Sapu sedikit kuah percik ke atasnya,
Panggang sebentar pada suhu 200C selama 15 minit.
atau bakar menggunakan torch light.
Hidang dengan kuah percik.

Ramuan

4 ekor sotong saiz besar
4 biji telur
2 sudu besar bawang merah cincang
1 sudu besar carrot cincang
1 sudu besar cili benggala merah cincang
10 helai daun bayam, hiris kasar
1/2 sudu teh garam
1 sudu teh lada sulah
1 sudu besar mentega
Lidi untuk mencucuk
Bahan Kuah Percik :-
1/2 cawan yogurt
1 cawan air
3 ulas bawang merah
2 ulas bawang putih
1 cm kunyit hidup
5 biji cili padi
1 batang serai, ambil bahagian putih
1 sudu besar ikan bilis halus
1 sudu kecil garam
1 sudu kecil gula
2 sudu besar bancuhan tepung gandum

**SELAMAT
MENCUBA!**